UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

# HGM 131 – GEOGRAFI MANUSIA

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab Soalan 1 yang diwajibkan dan TIGA soalan lain. Sekurang-kurangnya SATU soalan mesti dijawab daripada setiap Bahagian B dan C.

Bahagian A

1. SAMA ADA

[a] Kajian Geografi Manusia memerlukan data ruangan dan data atribut. Huraikan.

[25 markah]

ATAU

[b] Merujuk kepada mana-mana sub-bidang dalam kajian Geografi Manusia, huraikan kepentingan sistem maklumat geografi (GIS) dalam pengurusan dan analisis data.

[25 markah]

Bahagian B

2. Merujuk SATU pusat budaya purba, huraikan proses bauran idea, teknologi dan maklumat dari pusat budaya tersebut ke kawasan lain dan apakah kesannya kepada pandang darat kawasan penerima.

[25 markah]

3. Huraikan dengan merujuk contoh-contoh yang sesuai bagaimana globalisasi ekonomi telah membawa kepada penyeragaman budaya dan proses komodifikasi unsur-unsur budaya tempatan.

[25 markah]

4. Huraikan faktor-faktor ketidakseimbangan sosial dan peluang yang membawa kepada krisis kesihatan dan pemakanan di kawasan dan masyarakat tertentu di dunia.

[25 markah]

…3/-

Bahagian C

5. [a] Jelaskan secara ringkas yang berikut :

[i] Ruang ekonomi

[ii] Landskap ekonomi

[10 markah]

[b] Merujuk contoh-contoh yang sesuai, huraikan proses-proses yang memainkan peranan dalam mempengaruhi pembangunan di sesuatu kawasan.

[15 markah]

6. Lakarkan dan huraikan tahap-tahap perubahan pembangunan yang diutarakan dalam Model Peringkat Pembangunan Ekonomi.

[25 markah]

7. [a] Senaraikan LIMA indikator yang boleh digunakan untuk mengklasifikasikan sesebuah bandar.

[5 markah]

[b] Huraikan beserta contoh, LIMA masalah persekitaran yang berlaku akibat proses pembandaran.

[20 markah]

8. Menggunakan contoh yang bersesuaian, huraikan penglibatan masyarakat, pihak berkuasa tempatan dan badan bukan kerajaan dalam melaksanakan strategi pembangunan lestari di peringkat tempatan.

[25 markah]

**- oooOooo -**